



20.9.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

RM189 JUTA UNTUK PROJEK SALURAN PAIP BAGI MEMBEKALKAN LEBIH BANYAK AIR KEPADA RAKYAT

- **RM128 juta untuk pembinaan saluran paip baharu sepanjang 13.0km x 1.8m dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Butterworth (Seberang Perai).**
- **RM44 juta untuk pembinaan saluran paip baharu sepanjang 3.9km x 1.8m dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar (Pulau Pinang).**
- **RM17 juta untuk Projek Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (Seberang Perai).**

PULAU PINANG, Jumaat, 20.9.2024: PBAPP akan memberi tumpuan kepada penyelesaian 3 projek utama saluran paip dalam tempoh 2 tahun akan datang untuk membekalkan lebih banyak air kepada rakyat dan perniagaan di Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, merasmikan Paket 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua (WTP) hari ini. Dengan pengoperasian Paket 12A, kita telah berjaya meningkatkan kapasiti maksimum rawatan air Pulau Pinang sebanyak 114 JLH, daripada 1,612 JLH kepada 1,726 JLH.

Dengan peningkatan kapasiti rawatan ini, PBAPP kini akan memberi tumpuan kepada peningkatan rangkaian agihan air Pulau Pinang (atau rangkaian saluran paip) untuk membekalkan lebih banyak air terawat kepada pelanggan kami.

Sehubungan itu, PBAPP akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan 3 projek utama saluran paip pada tahun 2025 dan 2026.

- Sebuah saluran paip baharu sepanjang 13.0km x 1.8m di Seberang Perai, dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Butterworth;
- Sebuah saluran paip baharu sepanjang 3.9km x 1.8m di Pulau Pinang, dari Kawasan Macallum ke Kompleks Kolam air dan Rumah Pam Bukit Dumbar; dan
- Projek Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai di Seberang Perai.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



PBAPP sedang melaksanakan ketiga-tiga projek ini dengan pelaburan keseluruhan sebanyak kira-kira RM189 juta. Ketiga-tiga projek dijadualkan siap pada tahun 2025 atau 2026.

Apabila beroperasi, saluran paip ini akan membolehkan PBAPP mengepam lebih banyak air pada tekanan yang lebih tinggi dari Loji Rawatan Air Sungai Dua kepada 465,000 pengguna air di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Dalam lain perkataan, projek saluran paip ini akan membantu meningkatkan perkhidmatan bekalan air untuk 67.4% daripada 689,786 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang, yang meliputi kesemua 5 daerah di negeri ini: Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Daerah Barat Daya, dan Daerah Timur Laut.

Loji Rawatan Air (LRA) EMD Baharu bernilai RM120 juta.

Pada tahun 2025, PBAPP akan melaksanakan pembangunan loji rawatan air baharu dengan kapasiti 114 JLH di kawasan Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai Tengah (SPT).

Tujuannya adalah untuk memanfaatkan sebahagian daripada simpanan air EMD setiap hari bagi menghasilkan air terawat di SPT untuk dibekalkan di kawasan SPT.

Loji Rawatan Air EMD bernilai RM120 juta ini akan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di SPT. Apabila beroperasi, ia juga akan membolehkan PBAPP mengurangkan pengepaman air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke SPT dan menyalurkan lebih banyak air ke kawasan lain di Seberang Perai.

Menyiapkan WCP 2030 tepat pada masanya

Dalam bidang kejuruteraan bekalan air, PBAPP mengutamakan penyelesaian kesemua 8 projek dalam Pelan Kontingensi Bekalan Air 2030 (WCP 2030) tepat pada masanya. Sehingga September 2024, PBAPP telah berjaya menyiapkan 2 projek: modul DAF 10 JLH di Bukit Panchor dan Pakej 12A LRA Sungai Dua.

Projek ke-3, ke-4, dan ke-5 WCP 2030 adalah saluran paip sepanjang 13.0km x 1.8m di Seberang Perai, saluran paip sepanjang 3.9km di Pulau Pinang, dan LRA EMD baharu.

PBAPP terus memfokuskan matlamat WCP 2030 dan berusaha untuk menyiapkannya mengikut jadual.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my